

Pelajar OKU UMS peserta pertama mulakan larian 'Longest Distance Run On A Treadmill'

NST 21.1.2014 9

OLEH BALQIS JAMALUDIN
(balqis@newsabah-times.com.my)

KOTA KINABALU: Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) Universiti Malaysia Sabah menjadi peserta pertama yang memulakan larian 'Longest Distance Run On A Treadmill Run By A Group' yang bakal mencatat nama dalam Malaysia Book of Records 2014.

Abnar Moilie (21 tahun) yang mengalami rabun luar biasa sejak lahir itu berkata impiannya untuk mencapai kejayaan seperti individu normal yang lain menjadi pembakar semangat untuknya menyertai program ini.

"Selama sebulan saya berlatih semata-mata untuk program ini kerana saya menyedari rakan-rakan peserta lain yang normal lebih kuat dan bertenaga dari saya," kata Abnar ketika ditemui di Majlis Pelancaran Program Malaysia Book of Records 2014, di sini, kelmarin.

Pelajar tahun kedua Jurusan Sains Suka yang pernah mewakili

Malaysia dalam acara olahraga di Sukan Paralimpik di Jepun pada tahun 2009 ini berkata, ibu bapa dan pensyarahnya yang banyak memberi dorongan dan sokongan untuknya menyertai acara kesukanan seperti ini.

Katanya, selepas ini dia berazam untuk mencipta lebih banyak rekod yang dapat dibanggakan bukan sahaja oleh ibu bapanya malah rakyat Sabah secara keseluruhannya.

Menurut ibu Abnar, Martina Guntalib (55 tahun), dia dan suami, Moilie Lodunga (51 tahun) berasa sangat bangga dengan usaha untuk mencapai rekod yang dilakukan anaknya itu.

Katanya, Abnar yang merupakan anak sulung dari dua beradik itu sememangnya aktif bersukan sejak kecil lagi walaupun mengalami kecacatan pada penglihatannya.

"Kami berdua sangat berbangga dan bersyukur kerana Abnar bukan sahaja mempunyai kebolehan luar biasa malahan semangatnya juga amat luar biasa," kata Martina sambil menitikkan air matanya.

Sementara itu, semasa berucap,

Naib Canselor UMS, Datuk Dr. Harun Abdullah berkata, penyeretaan Abnar ini membuktikan kemampuan yang ditunjukkan oleh para pelajar UMS amat luar biasa.

Malah, ia juga membuktikan bahawa UMS sentiasa mengiktiraf dan memberi perhatian kepada golongan yang kurang bernasib baik.

"Saya amat berbangga atas penglibatan pelajar ini dalam merealisasikan impian UMS khususnya untuk mencipta rekod dan menempa nama dalam Malaysia Book of Records," katanya.

Harun menyatakan bahawa UMS mensasarkan larian berkumpulan di atas 'treadmill' sebanyak 264 jam atau 11 hari dengan kelajuan enam kilometer sejam yang dilaksanakan oleh sembilan pelajar.

Katanya UMS ingin memecahkan rekod yang pernah dicapai oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan pada tahun 2012 dengan capaian 120 jam atau 5 hari yang dibuat oleh sembilan pelajar.

"Para pelajar ini sebenarnya

hanya perlu mencapai sebanyak enam hari atau 144 jam untuk memecahkan rekod namun UMS ingin mensasarkan pencapaian yang lebih jauh iaitu 11 hari," katanya sambil menyatakan Universiti Malaya juga pernah mencipta rekod yang sama iaitu sebanyak 72 jam atau tiga hari oleh tiga orang pelajar.

Sementara itu, Pembantu Menteri Belia dan Sukan Masiung Banang yang hadir mewakili Menteri, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan berkata, Kerajaan Negeri sentiasa mengalu-alukan usaha yang dibuat oleh UMS terutama yang berkaitan dengan belia dan sukan seperti Program ini.

Katanya, inisiatif ini menampakan kewujudan UMS dalam membantu melahirkan golongan belia yang sihat dan cergas.

"Kementerian sentiasa berganding bahu dengan UMS dalam pelbagai bentuk termasuk menjalankan kajian prestasi sukan Negeri, memberi idea, pandangan dan peruntukan demi kesejahteraan golongan belia di negeri ini," katanya.